

PERCUMA

Wadah  
MAIPK Edisi  
Keempat 2018  
Bil Ke-30

# Wahana MAIPK



مجلس أئمة الإسلام  
دائى عادت ملايو فخرى

## Majlis Penyampaian Sumbangan

### NGO Islam Perak, Perak, Malaysia



## PENYAMPAIAN SUMBANGAN DANA ZAKAT MAIPK



ROAD TOUR  
FORUM  
PERDANA



SUMBANGAN KEPADA  
MAJLIS KANSER NASIONAL  
DAN YAYASAN INSTITUT  
JANTUNG NEGARA

MAIPK SENTIASA  
PRIHATIN  
GOLONGAN ASNAF



# TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH TIMBALAN YANG di-PERTUAN AGONG

## MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW PERINGKAT KEBANGSAAN 1440 HIJRAH/2018 MASIHI

TARIKH : 12 RABIULAWAL 1440 / 20 NOVEMBER 2018  
MASA : 10.00 PAGI | TEMPAT : PUTRAJAYA INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE

### “MENYANTUNI UMAT MEMBAWA RAHMAT”

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Firman ALLAH Subhanahu Wata'ala dalam ayat pertama dan kedua Surah al-Jumu'ah, bermaksud:

“Segala yang ada di langit dan di bumi sentiasa bertasbih kepada ALLAH Yang Maha Menguasai, Yang Maha Suci, Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. Dialah yang telah mengutus di kalangan orang yang Ummiyin, seorang Rasul daripada bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat ALLAH, dan membersihkan mereka, serta mengajarkan mereka Kitab ALLAH (Al-Quran) dan Hikmah. Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.”<sup>1</sup>

2. Acara sambutan Maulidur Rasul, dianjurkan di negara ini oleh Kerajaan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dan dihadiri bersama oleh Ketua Negara dan Ketua Kerajaan, para pemimpin dan rakyat jelata, berstatus acara rasmi; satu keistimewaan yang dinikmati oleh umat Islam, selaras dengan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan, yang termaktub dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan.

3. Sambutan Maulidur Rasul tidak memadai dianjurkan, jika sekadar, satu sambutan untuk merayakan hari ulang tahun keputeraan seorang insan bertaraf Rasul, yang telah pun wafat hampir 1430 tahun lalu. Sambutan Maulidur Rasul, sebaiknya, disambut dengan program-program berunsur pengisian dan memberikan makna, yang mengandungi peringatan kepada ummah akan risalah yang telah disampaikan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam, selaras dengan firman ALLAH Subhanahu Wata'ala bermaksud:

“Dan tetaplah memberi peringatan, kerana sesungguhnya peringatan itu bermanfaat bagi orang-orang yang beriman.”<sup>2</sup>

4. ‘Menyantuni Umat Membawa Rahmat’ dipilih sebagai tema sambutan, dengan hasrat mahu menyemarakkan roh ‘Rahmata Lil Alamin’, roh yang menegaskan bahawa Islam ialah agama perdamaian, penuh dengan kelembutan serta kasih sayang, dan sama sekali tidak mengizinkan dilakukan perbuatan-perbuatan berunsur kekerasan, keganasan dan kebencian; di sebaliknya Islam sangat menegaskan amalan toleransi, amalan saling hormat- menghormati, amalan bekerjasama dan amalan belas kasihan sesama makhluk.

<sup>1</sup> Al-Quran, Surah Al-Jumu'ah, (62:1-2)

<sup>2</sup> Al-Quran, Surah Adz-Dzaariyaat (51:55)

5. Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam ialah seorang murabbi, atau pendidik yang paling berjaya, sementara pengalaman hidup Baginda laksana dewan kuliah yang luas, menghamparkan pengajaran. Dalam majlis memperingati ulang tahun tarikh keputeraan Baginda, prinsip-prinsip kepimpinan Baginda sebagai Ketua Negara dan pemimpin ummah, yang telah berjaya mengangkat martabat ummah mencapai persada keagungan, wajib dikunjungi, diambil iktibar dan dijadikan pedoman oleh pemimpin semasa.
6. Bahawa kesejahteraan sesuatu bangsa, dan kemakmuran sesebuah negara amat dipengaruhi oleh sifat dan akal bicara seseorang pemimpin. Ulama besar, umara yang berwibawa dan peniaga yang jujur, akan lahir dalam negara yang pemimpinnya memiliki sifat takwa, serta menghayati kebesaran ILAHL. Jika pemimpin senantiasa insaf akan tanggungjawab lebih besar kepada ALLAH Maha Pencipta, akan sejahteralah hidup ummah - akan makmurlah negara. Khazanah negara akan diurus secara telus, sumber negara akan diagihkan secara saksama, dan kekayaan negara tidak akan dibazirkan. Kepentingan majoriti ummah akan lebih diutamakan. Sesungguhnya, kerinduan terhadap pimpinan yang lebih bertanggungjawab kepada ummah dan watan, yang bersih daripada rasuah, yang tidak menyalahgunakan kuasa, dan yang tidak menyelewengkan amanah, kini lantang disuarakan, terutama oleh golongan muda, golongan terpelajar dan golongan yang lebih terdedah kepada pelbagai sumber maklumat.
7. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam diiktiraf memiliki sifat al-Amin, iaitu sifat yang boleh dipercayai. Baginda tegas menegakkan kebenaran dan cekal melaksanakan keadilan. Pemerintahan Baginda teguh berpegang kepada hukum, menegur setiap kesalahan, mencegah setiap kemungkaran walaupun melibatkan anggota keluarga dan sahabat terdekat. Baginda tidak terpesona dengan kemewahan dunia, jauh sekali tergoda untuk membina kekayaan diri dan kekayaan famili. Tidak ada orang menjadi kaya kerana berdamping dengan Baginda, di sebaliknya, orang yang telah sedia kaya, mengorbankan kekayaan mereka untuk menyokong perjuangan Baginda. Baginda mengotakan apa yang dikata, Baginda tidak berpura-pura – tidak bersandiwara, Baginda tidak melakonkan watak untuk dianggap jujur, tetapi Baginda sesungguhnya bersifat jujur. Ketika wafat, Baginda tidak meninggalkan kekayaan material untuk diwarisi, yang ditinggalkan oleh Baginda ialah ajaran dan amalan baik, supaya dijadikan panduan dan pedoman dalam usaha membina kehidupan ummah yang sejahtera, kehidupan ummah yang mendapat keredaan, mendapat berkat dan mendapat rahmat ILAHL.
8. Berpandukan petunjuk ILAHL, Baginda berjaya menggubal dasar politik *Daulah Islamiah*<sup>3</sup>, menyusun struktur pemerintahan dan struktur politik baharu di samping memperkenalkan kerangka ekonomi dan kerangka sosial untuk pembangunan ummah. Ketika merangka penubuhan Negara Kota (City-State) Madinah, aspek keamanan dan perpaduan diberi fokus, merangkumi hubungan umat sesama Islam, hubungan umat Islam dengan bukan Islam, serta hubungan dengan kaum Yahudi. Baginda memformulasikan Perjanjian Yathrib yang menggariskan gagasan keamanan antara pelbagai puak dan suku kaum, berteraskan prinsip kerjasama dan keselamatan bersama.<sup>4</sup>
9. Baginda berjaya mengasaskan satu kesatuan daripada elemen yang pelbagai, bermula dengan kejayaan menyatukan puak Ansar dan Muhajirin hingga kepada pembentukan kesatuan ummah di Semenanjung Arab. Perselisihan, pertembungan dan pertumpahan darah yang sering berlaku di kalangan kabilah, berjaya ditangani dengan memberi perhatian kepada dua elemen utama yang ditegaskan oleh Islam, ia itu semangat persaudaraan dan semangat kesaksamaan; bahawa manusia ciptaan ILAHL adalah sama, yang membezakan mereka di sisi ALLAH adalah tahap keimanan dan takwa; dan seorang pemimpin hanya wajib dipatuhi selagi ia tidak melakukan perkara-perkara yang bercanggah dengan perintah ALLAH.
10. Perjanjian Yathrib telah memperkenalkan doktrin dan menjadi gagasan jalinan kerjasama keamanan dan keselamatan bukan sahaja sesama Islam, antara Islam dan bukan Islam dalam sebuah negara, malah merentasi antara negara yang berlainan agama. Menggubal sesuatu piagam merupakan satu permulaan. Yang lebih penting ialah kesediaan menghormati dan menerima pakai piagam yang digubal. Piagam yang telah diterima pakai, perlu dipastikan memberi kesan dan memenuhi matlamat penggubalan, terus dihormati dan terus diyakini untuk terus didukung sepanjang masa. Oleh itu, pada peringkat menggubal sesuatu perjanjian mahupun dasar, amatlah penting diamalkan sifat inklusif, dipastikan adanya partisipasi yang melibatkan penyertaan pelbagai pihak, mewakili pelbagai konstituen, terutama ketika menangani isu-isu sensitif, isu- isu kontroversi dan isu-isu yang menyentuh pendirian yang bertentangan. Kerana itu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam mengamalkan budaya syura, untuk membolehkan pelbagai pandangan dan kelainan pendapat disuarakan, dihujahkan dan kemudiannya diterokai titik pertemuan.

<sup>3</sup> Al-Quran dan Terjemahannya. (Jakarta: Lembaga Penyelenggara Penerjemah Kitab SutjiAl-Quran, 1970) Muqaddimah, 81.

<sup>4</sup> Golam W. Choudry, *The Prophet Muhammad: His Life and Eternal Message*. (Kuala Lumpur: WHS Publications Sdn. Bhd. 1993) 64.

11. Dalam usaha memperkenalkan Daulah Islamiah, Baginda tidak terlepas menghadapi pelbagai dugaan. Baginda berhadapan dengan persekitaran yang baharu di Madinah. Madinah mengandungi tatarajah sosial berpaksikan pelbagai kuasa.<sup>5</sup> Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam tidak terlepas daripada menghadapi elemen-elemen perebutan kuasa, perasaan cemburu, iri hati, serta sifat tamak. Malah ketika itu ada pihak yang memeluk Islam kerana melihat kesempatan untuk memperoleh kuasa, dan ruang untuk dapat berdamping dengan kuasa.<sup>6</sup> Baginda berhadapan dengan budaya hipokrasi – Baginda berhadapan dengan kumpulan munafik.

12. Surah pertama yang diturunkan di Madinah, Surah al- Baqarah, surah terpanjang dalam al-Quran mengandungi 286 ayat. Di bahagian awal surah tersebut, terkandung tiga belas ayat, khusus menyentuh aspek hipokrasi yang diistilahkan sebagai golongan munafik. Ibn Kathir dalam Tafsir al-Quran, menghuraikan bahawa empat ayat permulaan Surah al-Baqarah menyentuh golongan mukmin,<sup>7</sup> diikuti dengan dua ayat menyentuh golongan kafir,<sup>8</sup> sementara 13 ayat, daripada ayat 8 hingga ayat 20, mengisahkan golongan munafik,<sup>9</sup> menghuraikan sikap khianat dan pengucapan bercabang. Sepanjang hayat dan hingga ke penghujung hayat, Baginda menyuarakan kebimbangan terhadap ancaman yang dicetuskan oleh budaya hipokrasi dan golongan munafik. Surah al-Munaafiquun yang diturunkan di Madinah, mengisahkan sifat buruk orang-orang munafik, antaranya bersifat pendusta, bersumpah palsu, sombong, kikir dan tidak menepati janji.<sup>10</sup>

13. Budaya hipokrasi melemahkan tiang integriti kerana berlakunya amalan pepat di luar rencong di dalam, kerana membenarkan gunting selesa dalam lipatan. Sesungguhnya, sebahagian besar masalah ummah pada hari ini, berpunca daripada ketiadaan integriti, terutama apabila ketiadaan integriti itu dilakukan oleh mereka yang diamanahkan dengan kuasa. Sebahagian besar masalah ummah pada hari ini, berpunca daripada krisis yang tercetus kerana perebutan untuk membina kekayaan secara tidak luhur – secara tidak telus. Malah turut berlakunya perebutan kuasa, kerana kuasa dilihat sebagai saluran atau conduit untuk membina kekayaan diri, kekayaan keluarga dan kekayaan kroni.

14. Setelah berjaya membina pemerintahan berlandaskan Islam, Baginda berulang kali bersabda akan kebimbangan terhadap sifat dan amalan pemimpin pada masa hadapan. Antara perkara yang terkandung dalam Khutbah Wida', khutbah terakhir yang disampaikan di Arafah pada 9 Zulhijah tahun kesepuluh Hijrah, Baginda menyentuh aspek integriti dan aspek akauntabiliti terhadap ummah dan terhadap ALLAH Subhanahu Wata'ala; Baginda menyeru:

“Wahai manusia, seperti mana kamu anggap bulan ini dan kota ini sebagai suci, maka anggaplah jiwa dan harta setiap orang sebagai amanah suci. Kembalikan harta yang diamanahkan kepada kamu kepada pemiliknya yang berhak... Ingatlah bahawa sesungguhnya, kamu akan menemui Tuhan Mu, dan Dia pasti membuat perhitungan di atas segala amalan kamu.”<sup>11</sup>

15. Baginda tidak sekadar mengungkap kata-kata, tetapi kata-kata yang diungkap itu, ialah cerminan kepada kepimpinan berintegriti tinggi yang menjadi prinsip amalan Baginda. Baginda insaf bahawa Baginda juga tidak terlepas daripada pandangan ILAHI, malah turut dinilai oleh para pengikut, justeru itu amat wajib Baginda mengamalkan sebaik-baik contoh teladan. Hadis yang diriwayatkan oleh al Bukhari, mencatatkan bahawa pada ketika mula menghadapi keuzuran, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam bersabda, bahawa Baginda tidak bimbang akan kemungkinan ummah menolak keesaan ALLAH yang satu, tetapi Baginda lebih bimbang bahawa selepas kewafatan Baginda, berlakunya pertelingkahan ummah kerana merebut kekayaan.<sup>12</sup> Kebimbangan Baginda merupakan satu ramalan tepat. Selepas kewafatan Baginda, ummah walaupun kelihatan kekal berpegang kepada Tuhan yang satu, tetapi berpecah belah kerana faktor-faktor pangkat, kuasa, kekayaan dan afiliasi.

16. Peperangan Uhud meninggalkan kesan penting kepada Baginda. Sikap mementingkan harta, dipengaruhi sifat tamak dan gelojoh, mendorong sebahagian tentera Islam melupakan tanggungjawab hakiki yang ditugaskan. Akibatnya, tentera Islam yang telah mencapai kemenangan awal, tewas kepada tentera Quraish. Baginda bimbang terhadap pengaruh keduniaan memperdayakan manusia; kerana manusia boleh lupa kepada ALLAH, apabila berhadapan dengan nikmat dunia; harta yang melimpah ruah berpotensi memesongkan manusia daripada garis kebenaran, tarikan kemewahan berpotensi membawa kebinasaan dan kemusnahan seperti yang disabdakan:

<sup>5</sup> Tariq Ramadan, *The Messenger: The Meaning of the Life of Muhammad*, (London: Penguin Books, 2007), 91.

<sup>6</sup> *Ibid.*

<sup>7</sup> Al-Quran, Surah Al-Baqarah (2:2-5)

<sup>8</sup> *Ibid.*, (2:6-7)

<sup>9</sup> *Ibid.*, (2:8-20)

<sup>10</sup> Al-Quran, Surah Al-Munaafiquun (65:1-8)

<sup>11</sup> Petikan dari terjemahan Khutbah Wida'

<sup>12</sup> Tariq Ramadan, 204.

“Demi ALLAH, bukan kemiskinan yang menakutkan aku terhadap kamu sekalian selepas ini. Tetapi aku takut jika dilimpahkan rezeki keduniaan kepada kamu sebagaimana yang telah dilimpahkan kepada orang sebelum kamu, yang akibatnya kamu akan berlumba-lumba sebagaimana mereka berlumba-lumba. Maka, menjadi lalai dan rosaklah kamu sebagaimana mereka telah mengalami kelalaian dan kerosakan.”<sup>15</sup>

17. Kebimbangan Baginda menjadi realiti, berdasarkan sejarah kejatuhan kepimpinan Islam, seperti yang berlaku terhadap Kerajaan Umawiyah, Kerajaan Abbasiyyah dan Kerajaan Uthmaniyyah, disebabkan faktor-faktor perebutan kuasa, pergolakan politik, rasuah dan kemewahan melampau, sehingga muncul kumpulan dan gerakan menjatuhkan pemerintah.

18. Pemimpin yang tidak amanah – pemimpin yang tidak berintegriti, akan mengakibatkan ummah berada dalam sengsara. Kemiskinan ummah akan menjadi lebih buruk apabila pemimpin lebih mengutamakan agenda membina kekayaan material dengan mengambil dan meniadakan hak ummah secara tidak adil dan melalui kaedah yang meragukan. Kekayaan material yang diperolehi secara mencurigakan akan melahirkan individu kaya secara mendadak (instant). Kekayaan material secara mendadak, tanpa dilengkapi kekayaan minda, kekayaan intelek, kekayaan ilmu dan kekayaan rohani, merupakan kekayaan palsu, yang sangat sementara sifatnya, sekadar melahirkan budaya bermewah-mewah – bermegah-megah, serta budaya yang melakukan banyak pembaziran. Akibatnya, berlaku ketirisan sumber, pembangunan yang tempang, serta kadar pengangguran, kadar penghijrahan, kadar penyeludupan, kadar jenayah dan kadar rasuah yang tinggi, disusuli dengan pelbagai penyakit sosial. Akhirnya ketenteraman awam terjejas, kestabilan politik tergugat, dan ummah bertambah derita kerana terperangkap dalam putaran ganas penderitaan.

19. Negara yang mendapat keredaan, berkat dan rahmat ILAHI, akan dilimpahkan kemakmuran - dilimpahkan kesejahteraan, serta dilindungi daripada bencana dan malapetaka; malah buminya disuburkan dan diperkaya dengan pelbagai sumber, sementara warganya hidup rukun, aman lagi damai, dan pimpinan negara diamanahkan dalam kalangan insan yang ikhlas lagi bertakwa; lalu akan dirahmati ummah di negara tersebut kerana hati pemimpinnya memiliki rasa belas – rasa ihsan kepada warganya, di samping roh pemimpinnya menghayati perintah ILAHI seperti yang digambarkan dalam Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud, bermaksud:

“Jika ALLAH inginkan supaya sesuatu bangsa itu sejahtera, maka ALLAH memberikan bangsa itu pemimpin yang baik...”

20. Kepada Mu Ya ALLAH, hamba-Mu memohon, anugerahkan sekalian hamba Mu di bumi ini, dengan pemimpin yang baik; pemimpin yang dibantu dengan barisan ulama yang tegas dan barisan umara yang ikhlas, serta diperlengkap dengan para peniaga yang jujur lagi amanah; sama-sama membangunkan kehidupan yang harmoni, sama-sama membangunkan sebuah negara yang sejahtera dan mendapat keampunan ILAHI, ‘BALDATUN TAYYIBATUN WA RABUN GHAFFUR’ seperti yang digambarkan dalam ayat 15 Surah Saba.

21. Ya ALLAH, cucurilah rahmat dan kesejahteraan ke atas Junjungan kami, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, semoga selawat kami diterima oleh Mu dan disampaikan kepada Baginda; semoga kami dimudahkan mendapat syafaat Baginda, pada hari menghadapi pengadilan di Padang Mahsyar nanti. Amin, Ya Rabul Alamin.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ  
وَالسَّلَامِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

<sup>15</sup> Sahih Bukhari (Kitab A-Riqaq) no 6425 & Sahih Muslim (Kitab Al-Zuhd wa Al-Raqaq) no2961.

## MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN KEPADA NGO ISLAM NEGERI PERAK, PERSATUAN MUBALIGH ISLAM NEGERI PERAK, PUSAT JAGAAN, RUMAH ANAK YATIM

IPOH, 6 Disember 2018 – MAIPk telah mengadakan Majlis Penyampaian Sumbangan kepada NGO Islam Negeri Perak, Persatuan Mubaligh Islam Negeri Perak, Pusat Jagaan dan Rumah Anak Yatim yang melibatkan agihan sebanyak RM1,041,200.00 di Hotel Seri Malaysia, Ipoh. MAIPk sentiasa memastikan golongan yang menerima wang zakat mendapat manfaat dan dapat menggunakan wang tersebut dengan hikmah. Program ini menfokuskan kepada penyampaian kepada 23 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Islam di Negeri Perak, 8 Persatuan Mubaligh Islam dan 3 Pusat Jagaan bagi tahun 2018. Turut sama disampaikan juga sumbangan kepada agensi, Bantuan Peralatan Persekolahan dan Perkapita kepada anak-anak yatim dibawah 23 Pusat Jagaan Anak Yatim di seluruh negeri Perak.

Pihak MAIPk mengharapkan sumbangan ini dapat membantu semua NGO Islam khususnya di Negeri Perak untuk merancang serta mengkoordinasi aktiviti persatuan supaya lebih efisien dan teratur serta menggalakkan pertubuhan-

pertubuhan ini supaya lebih aktif dalam usaha dakwah dan kebajikan. Majlis ini telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), YBr. Tuan Haji Mohd. Haidi Bin Sulaiman dan telah dihadiri Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Puan Hajah Wan Maizura Binti Haji Wan Zahari, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat Ustaz Bakri Bin Lee serta pegawai-pegawai dan pekhidmat MAIPk.



## MAJLIS MESRA MAIPK BERSAMA ORANG BESAR JAJAHAN NEGERI PERAK

IPOH, 31 Oktober 2018 – Program Majlis Mesra Majlis Agama Islam Perak dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) bersama Orang Besar Jajahan (OBJ) Negeri Perak telah diadakan di Kompleks Islam Darul Ridzuan, Ipoh.

Program majlis mesra ini adalah untuk berkongsi idea dan pandangan berkaitan dengan fungsi dan peranan MAIPk secara am dan agihan zakat serta pembangunan asnaf. YBr. Tuan Haji Mohd Haidi Bin Sulaiman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) MAIPk telah mengetuai Majlis Mesra ini dengan menerangkan pelbagai perkara kepada pihak OBJ. Turut hadir bersama ialah para Pegawai Baitulmal Daerah dan pegawai di ibu pejabat.



## SUMBANGAN KEPADA MAJLIS KANSER NASIONAL DAN YAYASAN INSTITUT JANTUNG NEGARA

IPOH, 27 Disember 2018 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah mengadakan majlis penyampaian sumbangan kepada Majlis Kanser Nasional (MAKNA) dan Yayasan Institut Jantung Negara berjumlah RM1 Juta pada Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan bersama Mufti Negeri Perak. Majlis disempurnakan oleh YABhg. Tan Sri Dato' Seri (Dr) Haji Harussani Bin Haji Zakaria, Mufti Kerajaan Negeri Perak. Sumbangan ini adalah bertujuan bagi menampung keperluan dan kos perubatan para pesakit kanser dan jantung di seluruh negeri Perak. Semoga sumbangan ini dapat menampung perbelanjaan perubatan pesakit dan seterusnya mampu meringankan bebanan mereka sekeluarga.



## PROGRAM DAKWAH PERDANA DI PANGKALAN TLDM LUMUT

LUMUT, 25-26 Oktober 2018 – MAIPK telah menganjurkan Program Dakwah Perdana yang telah diadakan di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) . Program ini bertujuan memperkenalkan zakat dan wakaf lebih mendalam kepada anggota TLDM dan juga orang awam. Pihak MAIPK diketuai oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) YBrs. Tuan Haji Mohd Haidi Bin Sulaiman dan beberapa orang pegawai daripada ibu pejabat dan daerah Manjung. Program dimulakan dengan pihak TLDM membawa rombongan MAIPK ke Kapal KD Mahawangsa untuk Bicara Santai Zakat dan Wakaf untuk krew-krew kapal. Selepas itu, pihak MAIPK telah membuka Kaunter Pameran dan Street Dakwah di Kompleks Mutiara Armada.

Pihak MAIPK juga telah menyediakan hadiah untuk setiap soalan kuiz yang diselitkan selain nyanyian dakwah daripada Ustaz Huri dan rakan-rakan. Disebelah malam pula, telah diadakan Forum

Perdana yang bertajuk “Damaikan Harta, Perisai Akhirat” yang dipimpin oleh AF. Ustaz Munawir Bin Mohamed Noh, Mantan ATASE Pendidikan Perak serta dua orang Panel iaitu AF. Ustaz Shahrizan Daud At-Turabi (Mentor Imam Muda) dan AF. Ustaz Amran Yusoff (Personaliti Program “Tanyalah Ustaz”).

Pada keesokannya, telah diadakan solat Subuh berjemaah dan Kuliah Subuh yang telah disampaikan oleh AF. Ustaz Abdul Jabbar Mohammed Kahar. Sebelum berlangsungnya solat Jumaat, ceramah mengenai zakat dan wakaf sekali lagi disampaikan oleh AF. Ustaz Mohd Latiff Talib agar anggota-anggota yang tidak berkesempatan hadir pada program semalam juga tidak terlepas untuk mendengar ceramah tentang zakat dan wakaf ini. Sepanjang program berlangsung Kaunter Kutipan Zakat dan Wakaf sentiasa dibuka bagi memudahkan anggota atau orang awam bertanya secara berdepan dengan kakitangan MAIPK.



## DAERAH SERI ISKANDAR

SERI ISKANDAR, 17 Oktober 2018 - Saban tahun pihak MAIPK menganjurkan Program Jejak Asnaf bagi menyantuni golongan-golongan asnaf yang memerlukan bantuan daripada dana zakat. Pihak MAIPK daerah Seri Iskandar telah menganjurkan program ini yang diketuai oleh AF. Ustaz Bakri Bin Lee, Pengurus Besar Bahagian Agihan zakat bersama AF. Ustaz Muzammil Bin Arbain, Pengurus Bahagian Agihan Zakat dan AF. Ustaz Johar Bin Zainal Abidin, Pegawai Baitulmal Daerah Seri Iskandar berserta Skwad Prihatin Asnaf (SPA) bagi menyantuni asnaf ke rumah-rumah untuk menyampaikan bantuan. Sebanyak lima buah rumah asnaf telah diziarahi iaitu di mukim Belanja dan mukim Bota. Pada masa yang sama, pihak MAIPK turut menyampaikan sumbangan berupa wang tunai berserta kotak makanan bagi menampung keperluan semasa setiap keluarga dan akan mempertimbangkan semua keperluan yang diperlukan mengikut kelayakan yang ditetapkan.



## DAERAH KAMPUNG GAJAH


KAMPUNG GAJAH, 17 Oktober 2018 - Program Jejak Asnaf Daerah Kg. Gajah yang diketuai oleh Puan Hajah Wan Maizura Binti Wan Zahari, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPK dan Pegawai Baitulmal Daerah Kg. Gajah iaitu Encik Muhammad Faiz Bin Zakaria serta beberapa kakitangan dari ibu pejabat dan pejabat MAIPK Kg. Gajah telah menziarahi dan menyantuni lima buah rumah asnaf yang telah dikenal pasti di mukim Bandar dan Kota Setia. Bagi Program Jejak Asnaf kali ini, Bantuan Bina Rumah dan Bantuan Baik Pulih Rumah amatlah ditagih oleh kesemua asnaf yang dilawati kerana keadaan rumah yang terlalu usang dan tidak selesa untuk didiami akibat daripada masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka. Selain itu, MAIPK turut menghulurkan bantuan barangan dapur dan wang tunai kepada asnaf.



## DAERAH MUALLIM

MUALLIM, 1 November 2018 - Satu program menjejak asnaf Muta'afifun telah dilaksanakan di Daerah Muallim dalam usaha pihak MAIPK menyalurkan bantuan kepada asnaf yang memerlukan. Program jejak asnaf ini telah diketuai oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Haidi Bin Sulaiman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) MAIPK bersama AF. Ustaz Bakri Bin Lee, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, dan beberapa orang pegawai pasukan Skwad Prihatin Asnaf telah bersama-sama menziarahi rumah asnaf yang telah dikenalpasti di Slim River, Slim Village dan Tanjung Malim. Seramai enam buah rumah asnaf telah dilawati dan sedikit sumbangan awal seperti wang tunai dan kotak barangan makanan disalurkan. Tindakan untuk bantuan selanjutnya akan diambil bagi memastikan kehidupan asnaf ini terus terbelak.

Para asnaf yang dikunjungi mengucapkan rasa syukur kepada Allah dan berterima kasih kepada pihak MAIPK di atas keperihatinan untuk membantu mengubah nasib dan taraf kehidupan mereka. Platform sebegini dilihat amat besar nilainya kepada diri asnaf dan seterusnya pihak MAIPK sendiri untuk lebih berusaha dalam menyelami dan membantu asnaf yang memerlukan. Semoga kita bersama-sama dirahmati dan memperoleh ganjaran dariNya.



## DAERAH BAGAN DATUK

BAGAN DATUK, 18 Oktober 2018 - Program Jejak Asnaf Daerah Bagan Datuk yang diketuai oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Haidi Bin Sulaiman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) MAIPK dan Pegawai Baitulmal Daerah Bagan Datuk, Encik Mohd Shahmer Mahzuz Bin Mohd Zin serta beberapa orang pegawai daripada Ibu pejabat MAIPK dan pejabat MAIPK Bagan Datuk telah menyantuni asnaf di sekitar daerah tersebut. Jejak asnaf kali ini telah menyantuni enam buah rumah asnaf dan penyampaian bantuan barangan dapur dan wang tunai bagi menampung keperluan harian. MAIPK juga mengambil berat dengan keadaan rumah yang diduduki oleh asnaf dan mencadangkan Bantuan Baik Pulih Rumah serta Bantuan Bina Rumah untuk asnaf yang kediamannya terlalu usang dan tidak diselenggara dengan baik. Terima kasih kepada semua pembayar zakat yang telah menjalankan kewajipan mereka.

## TOUR FORUM PERDANA “HARTA KITA HAK KITA KAWAN ATAU LAWAN”

Masjid Al Fateh, Taman Jati, Ipoh 10 November 2018



Barisan ahli panel iaitu AF Ustaz Azhar Latiff, Pendakwah Korporat MAIPK serta AF Ustaz Latiff Bin Talib, Pengurus Bahagian Pemasaran MAIPK dan moderator AF Ustaz Razif Bin Mokhtar, Pegawai Baitulmal Daerah Parit Buntar.



Masjid Al-Mujahadah, Jalan Kamunting Lama, Taiping 12 November 2018

Masjidut Taqwa, Kg. Padang Tembak, Teluk Intan 13 November 2018



Ahli panel terdiri daripada AF Ustaz Azhar Bin Latiff, Pendakwah Korporat MAIPK bersama AF. Ustaz Munawir Bin Mohamed Noh, Mantan Atase Pendidikan MAIPK dan moderator AF. Ustaz Razif Bin Mokhtar, Pegawai Baitulmal Daerah Parit Buntar.

## CERAMAH PERDANA “KEBERKATAN HARTA DALAM MEMBENTUK KELUARGA SAKINAH”

KAMPAR, 12 November 2018 – Bertempat di Dewan Bandaran Kampar, telah diadakan ceramah perdana yang disampaikan oleh AF. Dato’ Ustaz Kazim Elias Al-Hafiz. Turut hadir ialah Y.D.H. Toh Sedewa Raja Dato’ Abdul Talib Bin Abd. Fahmi, Orang Besar Jajahan Kampar dan Encik Noraizad Bin Rosli, Pegawai Baitulmal Daerah Kampar.



## SEBAHAGIAN AKTIVITI SKUAD PRIHATIN ASNAF MAIPK



Sumbangan Bantuan Perubatan Dan Kewangan Kepada Adik Nur Hamisha Yang Diserang Penyakit Demam Panas Sejak Kecil Lagi Di Felda Sungai Behrang Pada 8 Oktober 2018



Sumbangan Bantuan Kewangan Kepada Encik Azuwan Efendi Di Taman Impiana Adril, Menglembu Pada 19 Oktober 2018



Sumbangan Bantuan Kecemasan Kediaman Dilanda Banjir Kepada Keluarga Encik Mohamad Bin Nayan Di Kg. Rasau, Pada 16 Oktober 2018



Bantuan Bina Rumah Kepada Keluarga Muallaf Di Perkampungan Orang Asli Chinggong. Muallim Pada 9 November 2018



Sumbangan Bantuan Kewangan Kepada Mangsa Kebakaran Rumah Di Kg. Cheh Hilir, Kuala Kangsar Pada 10 Disember 2018



Sumbangan Bantuan Kewangan Kepada Puan Sahilah Binti Arifin Di Kg. Tawas Pada 24 Disember 2018

## BANTUAN PERALATAN MODAL DIMANFAATKAN ASNAF UNTUK JANA PENDAPATAN



Penyerahan Bantuan Motosikal Roda Tiga Kepada Encik Mohd Haris Dan Puan Haslinda Pada 9 Oktober 2018



Penyerahan Bantuan Sampan, Enjin Bot Dan Peralatan Menangkap Ikan Air Tawar Kepada Encik Razali Di Behrang Stesen Pada 9 Oktober 2018



Penyerahan Bantuan Peti Sejuk Beku 500 Liter, Stainless Steel Meja Adunan, Meja Dapur Dan Tungku Memasak Kepada Puan Nor Azimah Di Kg. Balun Pada 18 Oktober 2018



Penyerahan Bantuan Set Mobile Spa-Muslim Product, Peti Sejuk Panasonic, Periuk Nasi Sharp, Tray Buffet - Stainless Steel Original Kepada Puan Rubiah Di Jalan Ketoyong, Tg. Malim Pada 18 Oktober 2018



Bantuan Mesin Jahit Tepi Dan Lurus Kepada Puan Mariatul Kabtiah Binti Oree Di Kg. Kuala Slim Pada 19 Oktober 2018



Penyerahan Bantuan Mesin Pengisar Kacang Soya Dan Penyediaan Air Soya Kepada Encik Hamzah Yusof Pada 10 Disember 2018

## 12 AGENSI SERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN



**8 OKTOBER 2018**  
Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad RM78,106.25



**21 NOVEMBER 2018**  
Perbadanan Usahawan Nasional Berhad RM100,000



**21 NOVEMBER 2018**  
12 Usahawan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad RM56,410



**8 DISEMBER 2018**  
Koperasi Perladangan Kawasan Bagan Datuk RM325,345.35



**14 DISEMBER 2018**  
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) RM35,463.00



**19 DISEMBER 2018**  
Maybank Islamic Asset Management Sdn. Bhd. RM18,382.35



**27 DISEMBER 2018**  
Telekom Malaysia Berhad RM249,008.00



**Agrobank RM103,000.00**



**Gerbang Alaf Restaurants Sdn Bhd (McDonald's Malaysia) RM100,000.00**



**GITN Sdn. Berhad RM71,500.00**



**Koperasi Co-Opbank Pertama Malaysia Berhad RM71,057.75**



**28 DISEMBER 2018**  
Rural Capital Berhad RM53,008.00


# MAIPK TERIMA SIJIL SISTEM PENGURUSAN KUALITI ISO 9001:2015

IPOH – Majlis Agama Islam Perak dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPK) telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti yang menepati MS ISO 9001:2015 yang telah diiktiraf oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. pada 23 Mac 2018. Skop pensijilan yang telah dipilih oleh pihak MAIPK iaitu Pengurusan Promosi, Kutipan dan Agihan Zakat di Negeri Perak. Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 merupakan tanda aras di peringkat antarabangsa untuk sistem pengurusan kualiti dan diberikan oleh International Organisation for Standardisation (ISO). Pihak MAIPK berlitizam meningkatkan kualiti perkhidmatan yang berkualiti dengan sentiasa berusaha meningkatkan sistem pengurusan kualiti yang berterusan bagi memenuhi keperluan dan kepuasan pelanggan.



# MAIPK TERIMA SIJIL TANPA TEGURAN DARIPADA JABATAN AUDIT NEGARA

IPOH – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPK) telah menerima Sijil Ketua Audit Negara Malaysia Mengenai Penyata Kewangan MAIPK Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017 daripada Jabatan Audit Negara Malaysia dengan pengiktirafan Sijil Tanpa Teguran atau Sijil Bersih. Sijil ini menunjukkan bahawa Penyata Kewangan MAIPK 2017 telah disediakan dan dipersembahkan mengikut piawaian yang diterima pakai, diamalkan secara konsisten, seragam serta pendedahan yang mencukupi. Pihak MAIPK bersyukur ke hadrat Allah kerana dianugerahkan Sijil Tanpa Teguran Penyata Kewangan MAIPK 2017. Pihak MAIPK mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di atas penganugerahan ini dan pada masa yang sama mengharapkan komitmen dan konsisten untuk meneruskan kejayaan ini.



## DUN PERAK LULUS CADANGAN PINDAAN ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (PERAK) 2004

IPOH - Dewan Undangan Negeri Perak telah meluluskan cadangan pindaan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004. Perkara itu diluluskan ketika Sidang DUN Perak kali ke-14 pada 5 Disember 2018 yang lalu selepas Exco Agama, Pendidikan Islam, Luar Bandar dan Pembangunan Usahawan, YB. Tuan Haji Asmuni Bin Awi mengemukakan usul Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) (Pindaan) 2018. Mengambil kira perkembangan semasa pentadbiran agama Islam di

negeri ini, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 telah dipinda bagi tujuan penambahbaikan dan keberkesanan peruntukan undang-undang berkaitan. Pindaan undang-undang yang telah diluluskan tersebut turut mencipta sejarah tersendiri apabila negeri Perak menjadi negeri pertama menubuhkan Mahkamah Utama Syariah sekaligus mempunyai empat lapisan mahkamah dalam sistem kehakiman syariah di negara ini.



## TAKLIMAT GARIS PANDUAN PROSEDUR PENDAFTARAN PANEL- PANEL PENYEDIA PERKHIDMATAN HIBAH

IPOH, 23 November 2018 – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah mengadakan Taklimat Garis Panduan Prosedur Pendaftaran Panel-Panel Penyedia Perkhidmatan Hibah di Dewan Al-Ghazali, Kompleks Islam Darul Ridzuan. Seramai 58 peserta yang menghadiri taklimat ini terdiri daripada wakil Peguam Syarie Negeri Perak dan Wasiyyah Shoppe. Taklimat telah disampaikan oleh Cik Maziah Binti Mohaide, Pegawai Undang-undang, manakala Puan Hajah Wan Maizura Binti Haji Wan Zahari, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) yang telah mengendalikan sesi soal jawab. Tujuan taklimat ini diadakan sebagai panduan dalam pelaksanaan pendaftaran Panel-Panel Penyedia Perkhidmatan Hibah di Negeri Perak. Selain itu, taklimat yang diadakan ini memudahkan pihak MAIPK mempunyai senarai daftar Panel-Panel Penyedia Perkhidmatan Hibah dan sebagai langkah mengawal pelaksanaan Hibah di Negeri Perak.



# BERITA SANA SINI



Taklimat Tentang Perhiasan Wanita Dan Kaedah Menentukan Kiraan Zakat Emas Perhiasan Dan Simpanan Di Masjid Negeri Perak Pada 1 Oktober 2018



Taklimat Zakat Pendapatan Kepada Pehidmat Majlis Daerah Selama Pada 10 Oktober 2018



Program Jejak Perniaga Di Pasaraya Mydin, Meru Dan Pekan Razaki, Ipoh Pada 17-18 Oktober 2018



Mesyuarat Pelan Strategik MAIPk 2016-2021 Pada 24 Oktober 2018



Taklimat Zakat Dan Wakaf Di Stesen Komunikasi TLDM Parit Pada 26 Oktober 2018



Ceramah Zakat Dan Wakaf Sempena Program Executive Talk "Institusi Kesultanan Perak" Di Auditorium Tun Abdul Razak, Kolej Melayu Kuala Kangsar Pada 29 November 2018



Persidangan MAIPk Kali Ke-206 Pada 11 Disember 2018



Perhimpunan Bulanan MAIPk Pada 27 Disember 2018

# Dana Wakaf Kepercayaan Anda



**Wakaf Business Centre (WBC)/ Pusat Perniagaan Waqaf**



**Wakaf Tunai**



**Wakaf Dana Pembangunan Maahad Tahfiz**



**Wakaf Bangunan Kediaman Pelajar**



**Wakaf Pembangunan dan Perkembangan Ilmu Al-Quran**



**Wakaf Ilmu Program MUMTAZ**



**Wakaf Pembinaan Pusat Hemodialisis**



**Wakaf Bot**

## Kaedah Bayaran

- 1 Pembayaran di Kaunter MAIPK seluruh Negeri Perak
- 2 Pembayaran melalui FPX Layari [wakafperak.gov.my](http://wakafperak.gov.my)
- 3 Potongan Gaji Online Layari [wakafperak.gov.my](http://wakafperak.gov.my)
- 4 Internet Banking [Maybank2U.com](http://Maybank2U.com)
- 5 Pembayaran melalui EFT Waqaf Perak Ar Ridzuan, **No Akaun Maybank: 558024315712**
- 6 **Biller Code: 29892**  
Ref-1 : Nombor yang dihasilkan dari janaan pendaftaran di [wakafperak.gov.my](http://wakafperak.gov.my)  
**JomPay** online di Perbankan Internet dan Telefon Mudah Alih dengan akaun semasa, simpanan atau kad kredit

● [wakafperak@maiamp.gov.my](mailto:wakafperak@maiamp.gov.my) ● **Waqaf Perak Ar-Ridzuan** ● **+605-2084000**

Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak



## 7 Wasiat Raja-Raja Melayu

**Wasiat Raja-Raja Melayu merujuk kepada 7 wasiat yang disampaikan semasa Raja-Raja Melayu menurun tandatangan persetujuan pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957 itu ialah:**

- 1) Kami namakan dan kami panggil akan dia, bumi yang kamu pijak dan langit yang kamu junjung (PERSEKUTUAN TANAH MELAYU) sekarang dikenali dengan nama MALAYSIA.
- 2) Kami isytiharkan dan kami simpan untuk kamu dan kami benarkan kamu isytihar dan simpan untuk anak cucu kamu, selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan, TANAH SIMPANAN MELAYU sehingga nisbah 50 peratus, selebihnya kamu rebutlah bersama-sama kaum lain.
- 3) Bagi menjaga kamu dan bagi melindungi anak cucu kami serta harta hak milik kamu, kami tubuhkan REJIMEN ASKAR MELAYU selain untuk membanteras kekacauan dalam negara dan ancaman dari luar negara.
- 4) Kami kekalkan dan kami jamin Kerajaan dan Kedaulatan RAJA-RAJA MELAYU memerintah negara ini.
- 5) Kami isytiharkan ISLAM adalah Agama Persekutuan.
- 6) Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah BAHASA MELAYU.
- 7) Kami amanahkan dan kami pertanggungjawabkan kepada Raja-Raja Melayu untuk melindungi KEDUDUKAN ISTIMEWA ORANG MELAYU dan KEPENTINGAN SAH KAUM-KAUM LAIN. (Kemudian ditambah kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak).